

Jika rakyat ingin terus membangun

# Tolak politik perkauman: PM

Oleh KHAIDIR AHMAD

MIRI, Khamis — Rakyat negara ini perlu terus menolak politik perkauman sekiranya mereka ingin terus maju sejajar dengan matlamat Wawasan 2020, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

“Sebaliknya, beliau berkata, rakyat perlu memilih politik pembangunan yang menjadi teras dasar kerajaan Barisan Nasional (BN) di peringkat pusat dan negeri.

“Kesesinambungan kerajaan BN perlu dipertahankan setiap masa. Sekiranya rakyat memilih yang menumpukan perhatian kepada politik perkauman, maka pembangunan juga tidak dapat dilaksanakan secara berterusan.

“Ini kerana politik perkauman hanya akan membakar perasaan benci dan marah, hingga akhirnya mencetuskan rusuhan kaum yang hanya akan menghalang pembangunan,” katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berkata demikian sewaktu berucap di perhim-

punan sempena ketibaan beliau di Lapangan Terbang Miri di sini petang ini, bagi memulakan lawatan dua hari ke Sarawak.

Hadir sama di perhimpunan yang diha-diri oleh kira-kira 5,000 orang itu ialah isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Ketua Menteri, Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dan isteri, Puan Sri Hajah Laila Taib serta Menteri-menteri Kabinet Persekutuan dan negeri.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rakyat pelbagai kaum di negara ini perlu meletakkan penghargaan yang tinggi kepada konsep perkongsian kuasa dengan semua kaum yang diamalkan oleh kerajaan BN.

Menurutnya, ini kerana sistem kerajaan BN yang memberi tempat kepada semua kaum itu terbukti berjaya mengurangkan rasa tidak puas hati setiap kaum dan seterusnya memberi ruang kepada kerajaan menumpukan perhatian untuk membawa pembangunan pesat kepada negara selama ini.

“Itulah sebabnya sistem kerajaan BN kini diiktiraf di peringkat antarabangsa

sebagai sistem yang paling berjaya menyatupadukan rakyat pelbagai kaum.

“Kita mengutamakan pembangunan dan kepentingan rakyat lebih tinggi daripada perkara lain, termasuk pemimpin kerajaan sendiri,” katanya.

Mengenai pilihanraya negeri, Perdana Menteri berkata, Dewan Undangan Negeri (DUN) Sarawak dibubarkan untuk mengadakan pilihanraya itu kerana kerajaan BN Negeri (BN3) yakin rakyat menghargai serta mahukan kestabilan politik dan pembangunan yang berterusan di negeri ini.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap rakyat negeri ini tidak terpengaruh dengan politik perkauman yang diamalkan oleh pembangkang, sebaliknya memberi sokongan penuh kepada BN3 yang sudah terbukti keupayaannya membawa pembangunan pesat di Sarawak selama ini.

Katanya, BN Pusat memberi sokongan penuh kepada kerajaan negeri pimpinan Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud dalam pilihanraya negeri ini.